

# Calon Melayu miliki peluang cerah tarik sokongan, undi

**Parti bertanding perlu bijak beri perhatian isu popular ketika ini**

Oleh Saadiah Ismail

saadiah\_ismail@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Calon Melayu daripada parti kerajaan atau pembangkang disifatkan mempunyai peluang untuk menarik undi dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu berdasarkan kepada isu popular yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan ketika ini.

Pensyarah Kanan Komunikasi Liberal, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr A Aziz Azizam, berkata calon Melayu dianggap relevan kerana dari segi isu popular, ia memberi kelebihan kepada mereka walaupun sebelum ini penyandangnya adalah kaum Cina selama tiga penggal berturut-turut.

Bagaimanapun, katanya peluang untuk calon Melayu meraih undi mungkin 50-50, namun sekiranya mereka bijak mengambil peluang, kemungkinan untuk menang adalah cerah.

“Kita dengar ada khabar angin orang India ingin memboikot

PRK kali ini dengan tidak mahu keluar mengundi dan sebagainya dan jika calon Melayu bijak mengambil kesempatan, mereka mungkin boleh menang.

“Ini memandangkan penduduk Melayu di Kuala Kubu Bharu adalah kira-kira 46 peratus, Cina dalam 32 peratus dan selebihnya kaum India dan lain-lain, jadi peluang itu ada jika meletakkan calon Melayu.

“Jika ditempatkan pula calon lokaliti Melayu, ia memberi nilai tambah kerana mereka disifatkan lebih memahami keadaan di sana dan komposisi orang Melayu akan lebih cenderung untuk mengundi calon berkenaan,” katanya ketika dihubungi BH.

PRK DUN Kuala Kubu Bharu diadakan susulan kematian penyandangnya, Lee Kee Hiong mewakili Pakatan Harapan (PH) pada 21 Mac lalu.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan PRK DUN Kuala Kubu Bharu pada 11 Mei, manakala 27 April sebagai hari penamaan calon.

Hari pengundian awal pula ditetapkan pada 7 Mei dengan tempoh berkempen selama 14 hari.

## Bijak ambil peluang

Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Eko- logi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmad Nasir Mohd Yusoff, berkata separuh daripada penduduknya adalah orang Melayu, kedua-dua parti perlu bijak meletakkan calon yang sesuai dan berketrampilan dalam masyarakat sejajar dengan



Bharu adalah orang Melayu dan komposisi kaum itu memainkan peranan penting dalam menentukan strategi dan fokus parti politik seperti PH dan Perikatan Nasional (PN).

Katanya, isu-isu berkaitan dengan agama dan budaya Melayu kemungkinan akan menarik perhatian besar dalam kalangan pengundi Melayu, jadi PH dan PN perlu berusaha untuk menyelaraskan platform dan strategi untuk menangani isu-isu ini dengan berkesan.

“Selain itu, PH dan PN juga perlu memperjuangkan agenda-agenda mereka yang lebih luas untuk pembangunan dan kesejahteraan komuniti di Kuala Kubu Bharu.

“Jadi dalam konteks PRK di Kuala Kubu Bharu, sepertimana yang disebutkan di mana separuh daripada penduduknya adalah orang Melayu, kedua-dua parti perlu bijak meletakkan calon yang sesuai dan berketrampilan dalam masyarakat sejajar dengan

populasi kaum Melayu di sana.

“Kedua-dua calon politik, sama ada dari parti PH atau PN, perlu memperjuangkan isu membabitkan kebimbangan dan kepentingan masyarakat Melayu dalam kemenangan pilihan raya, mereka akan dapat meraih sokongan dan undi yang diperlukan untuk mencapai kemenangan di Kuala Kubu Bharu,” katanya.

Berbeza bagi Timbalan Pengarah Pusat Kemajuan Profesional

dan Pendidikan Berterusan, Prof Madya Dr Mohd Azmir Mohd Nizah, sekiranya dibahagikan penduduk di Kuala Kubu Bharu, orang Melayu sudah tidak dominan lagi iaitu hanya 46 peratus, manakala penduduk bukan Melayu ialah 53 peratus.

“Justeru calon Melayu atau bukan Melayu menjadi ukuran penting dalam strategi memikat pengundi dan jika diambil kira sentimen semasa bahawa sokongan orang Melayu berbelah bagi, manakala sokongan orang Cina pada DAP, maka pengundi India memainkan peranan besar dalam menentukan kemenangan kali ini.

“Berdasarkan sejarah, kerusi tradisi di Kuala Kubu Bharu penyandangnya adalah orang Cina dan agak sukar untuk memecahkan kerangka itu,” katanya.



A Aziz Azizam